



AGAB

**Anugerah Guru Arif Budiman 2015**

Hotel Marina Mandarin • 7 November 2015

# ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN

2015

Hotel Marina Mandarin  
7 November 2015

Anjuran Bersama



Berita Harian



ڊپارٽمنٽ ٽوڙو بهاس ملاڙي



# Atur Cara

- 
- 1200 Pendaftaran
- 1230 Ketibaan Tetamu Terhormat
- Persembahan Muzikal (Angklung)  
oleh Sekolah Rendah Bedok Green
- Persembahan Tarian  
oleh Sekolah Menengah Yusof Ishak
- Ucapan Pengerusi Bersama AGAB 2015  
Encik Abdul Harris Sumardi
- Ucapan Tetamu Terhormat  
Encik Teo Chee Hean  
Timbalan Perdana Menteri dan  
Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara
- Segmen AGAB 2015
- Pembacaan Watikah
- Penyampaian kepada Penerima AGAB 2015
- Penyampaian kepada Finalis AGAB 2015
- Penyampaian Penghargaan kepada Panel Penilai  
Jamuan
- Pembacaan Watikah Khas  
untuk Allahyarham Cikgu Mohamed Naim Daipi
- Segmen untuk Guru-guru Perintis
- Video Penghargaan untuk Guru-guru Perintis
- Persembahan Sajak
- Sesi Bergambar Bersama Tetamu Terhormat
- 1500 Majlis Berakhir

# *Anugerah Guru Arif Budiman*

Jawatankuasa Penyemakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (MLCPRC) yang ditubuhkan pada bulan Disember 2004 untuk menjalankan penyemakan yang komprehensif tentang pengajaran, pembelajaran dan penilaian Bahasa Melayu telah menyarankan Arif Budiman sebagai visi pendidikan Bahasa Melayu di Singapura.

Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) diperkenalkan pada tahun 2007 untuk mengiktiraf sumbangan guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Dengan usaha dan iltizam yang tinggi untuk melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan, guru-guru penerima AGAB merupakan suri teladan kepada guru Bahasa Melayu yang lain.

## *Objektif Anugerah Guru Arif Budiman*

Anugerah ini bertujuan mencapai objektif yang berikut:

- mengiktiraf guru Bahasa Melayu atas sumbangan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah;
- mengiktiraf dan menyokong sumbangan guru Bahasa Melayu melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan; dan
- mengiktiraf guru-guru yang cemerlang sebagai guru teladan dalam memperjuangkan dan memajukan Bahasa Melayu.

## *Takrif 'Arif Budiman'*

'Arif Budiman' bermaksud insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat. Seseorang yang berciri Arif Budiman mempunyai kekuatan kognitif, moral, emosi dan sosial. Antara ciri-ciri Arif Budiman termasuklah arif atau berpengetahuan tentang bahasa, budaya, nilai dan sastera dan mempamerkan sikap berbudi bahasa serta sentiasa bersedia menabur budi.

# Gelar dan Jenis Anugerah

Dua bentuk Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) dalam empat kategori ditawarkan setiap tahun, iaitu:

- Anugerah Guru Arif Budiman - Teladan (Sekolah Rendah)
- Anugerah Guru Arif Budiman - Perangsang (Sekolah Rendah)
- Anugerah Guru Arif Budiman - Teladan (Sekolah Menengah / Prauniversiti)
- Anugerah Guru Arif Budiman - Perangsang (Sekolah Menengah / Prauniversiti)

Anugerah Guru Arif Budiman Kategori Teladan diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru sekurang-kurangnya 10 tahun. Anugerah Guru Arif Budiman Kategori Perangsang pula diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru kurang daripada 10 tahun.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2007, seramai 36 guru Bahasa Melayu telah menerima Anugerah Guru Arif Budiman. Mereka ialah:

Tahun	Nama Guru	
2007	Cikgu Elmi Zulkarnain Osman Cikgu Nur Ashikin Sapri	Cikgu Mohd Naim Daipi Cikgu Ishak Abdul Latiff
2008	Cikgu Salina Hussin Cikgu Abdul Malek Ahmad	Cikgu Mohd Khir Sapuan Cikgu Sazali Sahri
2009	Cikgu Halimatussa'diah Jaffar Cikgu Aryanti Md Mudakir	Cikgu Cikgu Haryati Surana Cikgu Noraishah Mostapa
2010	Cikgu Muliana Mohammad Cikgu Norashikin Abdul Hamid Cikgu Hafsa Mohd Kassim	Cikgu Nurisham Ismail Cikgu Haniza Abdul Manan
2011	Cikgu Aryanti Sukaimi Cikgu Salha Mohamed Hussain	Cikgu Farizan Md Amin
2012	Cikgu Safidah Samsudin Cikgu Supandi Djoeraemi	Cikgu Massuniza Ismail Cikgu Muslim Hanafiah
2013	Cikgu Norwati Sulaiman Cikgu Rasidah Mohd Rasit Cikgu Nazarudin Abdul Bakar	Cikgu Rashidah Rajah Cikgu Effendy Ahmadi Cikgu Muhammad Irwan Jamal
2014	Cikgu Azizah Shaik Abdul Kadir Cikgu Zaleha Ahmad Cikgu Yahida Yahya	Cikgu Ridzuan Abraham Cikgu Nuraina Mohamed Sin Cikgu Nurbayah Ismail

# Jawatankuasa Penganjur AGAB 2015



Berita Harian



فريساتون گوروهاس مالايز



Anugerah Guru Arif Budiman 2015 dianjurkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM) dan Berita Harian (BH) dengan sokongan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC).

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2015 terdiri daripada:

Pengerusi Bersama	Dr Intan Azura Mokhtar (MBMS) Encik Abdul Harris Sumardi (PGBM) Encik Mohd Saat Abdul Rahman (BH) Encik Zafilin Abdul Hamid (MLLPC)
Anggota	Puan Trudy Loh (MBMS) Puan Rita Goh (MBMS) Cik Siti Aisyah Noor Mohd (MBMS) Encik Elmi Zulkarnain Osman (MBMS) Encik Esfan Rizal Rahwom (PGBM) Encik Abdul Khalik Saidin (PGBM) Puan Wan Wardah Mohamed Woojdy (PGBM) Cik Nurul Ain Razali (BH) Encik Farizan Mohd Amin (MLLPC) Puan Rashidah Mohamed Rafei (MLLPC) Cik Nur Fa'izah Matnoor (MLLPC) Puan Rabi'ah Rahmat (MLLPC) Encik Mohamed Saddiq Mohamed Salleh (MLLPC)

# *Sekapur Sireh*



**Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohammad**  
Menteri Sekitaran dan Sumber Air  
Pengerusi, Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS)


## *Insan Arif Budiman yang Bergelar Guru*

Dalam ajarnya seseorang guru itu, ada harapan. Harapan agar pelajarnya menjadi insan berguna kepada keluarga dan masyarakat. Dalam tegurnya seseorang guru itu ada doa. Doa agar suatu hari nanti ilmu pengetahuan yang dicurahkan dapat dimanfaatkan untuk kesejahteraan warga dunia. Dalam marahnya seseorang guru itu ada sayang. Sayang akan pelajar-pelajarnya yang diasuh bagaikan anak sendiri. Dalam seriusnya seseorang guru itu ada mesra. Kemesraan yang memberikan ruang dan keselesaan kepada pelajarnya untuk berbicara dari hati ke hati. Dalam diamnya seseorang guru itu ada arif. Kearifan yang mahu dialirkan kepada setiap pelajarnya. Dalam tangan seseorang guru itu ada impian. Impian generasi yang akan membina masa depan negara dengan kearifan dan kebudimanan.

Tahniah kepada para penerima Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) 2015. Anugerah ini diharap akan menjadi pemangkin kepada usaha yang lebih gigih lagi untuk menyuntik rasa cinta para pelajar kepada bahasa Melayu. Diharap juga, para penerima AGAB menjadi perangsang kepada guru-guru Bahasa Melayu untuk terus menjadi suri teladan kepada para pelajar - tutur kata bahasanya, tingkah laku budinya dan gigih tekun wataknya.

Selain membina keupayaan bahasa anak didik mereka, sumbangan guru-guru Bahasa Melayu amat bernilai dalam melestarikan bahasa dan budaya orang Melayu di Singapura. Sememangnya kita maklum bahawa golongan guru aktif berkecimpung dalam pertubuhan-pertubuhan, kelab masyarakat dan kegiatan di peringkat nasional. Sama ada menyumbang kepakaran mereka dalam bahasa dan budaya Melayu mahupun menjadi pendorong kepada anak didik mereka, gurulah yang memastikan bahawa obor bahasa dan budaya Melayu di Singapura kekal bernyala untuk generasi masa depan. Syabas! Teruskanlah usaha murni ini.

Sekalung budi saya ucapkan kepada penganjur bersama AGAB - Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM), Berita Harian (BH) dan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) yang telah memberikan pengiktirafan kepada para guru Bahasa Melayu yang cemerlang dalam bidang keguruan. Insya-Allah, usaha bersama ini akan merangsang guru-guru kita untuk meningkatkan lagi kerjaya guru Singapura.



*Tak molek kalau alu tiada lesungnya,  
Tak berguna kalau dayung tiada perahunya;  
Tak sempurna kalau raja tiada permaisurinya,  
Tak lengkap kalau guru arif tiada kebudimanannya.*



# Seulas Pinang



**Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim**  
Setiausaha Parlimen  
Kementerian Pendidikan dan  
Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga  
Pengerusi, Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan  
Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC)

*“Berburu ke padang datar  
Dapat rusa belang kaki  
Berguru kepalang ajar  
Bagai bunga kembang tak jadi...”*

Ilmu yang tidak sempurna jika dipelajari, tidak mendatangkan faedah. Guru, sebagai seorang pendidik memainkan peranan yang penting bagi mengisi ruang dan peluang kekosongan dalam ketidaksempurnaan ini. Selain pengisian pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, peranan golongan pendidik ini haruslah membentuk dan melentur anak didiknya agar menjadi insan yang berpekeriti mulia.

Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) yang dianjurkan sejak tahun 2007 mengiktiraf sumbangan guru-guru yang memberikan kesan dan impak yang positif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. AGAB merupakan satu pengiktirafan terhadap sumbangan dan kecemerlangan para guru Bahasa Melayu yang berwawasan Arif Budiman - insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat.

Proses pemilihan para penerima AGAB bukanlah sesuatu yang mudah. Para finalis telah mempamerkan kecemerlangan sebagai seorang pendidik yang berdedikasi. Pemikiran inovatif dan kreatif dalam mendukung pedagogi yang sentiasa menarik minat anak didik mereka amat dihargai. Tambahan pula, guru-guru ini juga menjadi inspirasi dan pemangkin semangat kepada guru-guru Bahasa Melayu yang lain agar terus memperjuangkan dan melestarikan penggunaan bahasa dan budaya Melayu.

Usaha sama dan gabungan pihak penganjur, iaitu Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM), dan Berita Harian (BH) harus diberikan pujian kerana telah bekerjasama dalam menganjurkan AGAB pada tahun ini.

Acara ini juga telah disokong oleh Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC).

Sekali lagi, tahniah kepada kesemua finalis dan juga para penerima AGAB pada tahun 2015!



*“... Jika hari ini siapa sahaja menjadi dewasa  
Sejarahnya dimulakan oleh seorang guru biasa  
Dengan sabar mengajarkan tulis kira.”*

*(petikan sajak oleh Usman Awang, Guru Oh Guru)*

# *Sirih Selembar*



**Encik Wan Imran Mohamed Woojdy**  
Presiden  
Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM)

Syabas dan tahniah kepada semua guru yang telah berjaya ke peringkat akhir penilaian AGAB 2015. Mereka ialah contoh-contoh terbaik dalam kalangan para pendidik Bahasa Melayu di Singapura. Calon-calon tersebut diamanahkan dengan wewenang untuk mendidik anak-anak dengan ilmu dan nilai-nilai murni. Penguasaan ilmu yang digandingkan dengan tekad untuk menanamkan rasa cinta terhadap bahasa dan budaya Melayu merupakan antara ciri yang terserlah dalam kesemua penerima AGAB 2015.

Para penerima AGAB 2015 memikul amanah dan tanggungjawab yang datang bersama gelaran Guru Arif Budiman. Jalankanlah amanah ini dengan ikhlas dan berterusan bersama-sama kesemua penerima AGAB sejak 2007.

Jika tiada gandingan dan pasangan kukuh antara ilmu dengan akhlak, maka tidak akan terlahir insan guru yang benar-benar bergelar Arif Budiman. Guru Arif Budiman yang walaupun sudah berpulang, masih dikenang umat kerana meninggalkan warisan ilmu yang bermanfaat, dan budi yang tidak minta dibalas.

Saya menjunjung budi para pemimpin sekolah, ketua jabatan, guru dan pelajar serta ibu bapa yang telah mencalonkan guru-guru untuk AGAB 2015. Keprihatinan dan penghargaan mereka terhadap sumbangan para pendidik kita ialah pengiktirafan yang amat bererti.

Akhir kata, tahniah sekali lagi kepada semua guru yang telah dicalonkan untuk AGAB 2015, khususnya kepada para penerima AGAB tahun ini. Semoga jasa, usaha dan sumbangan cikgu-cikgu menjadi contoh dan warisan semua guru. Syabas dan semoga terus berjuang memperkasa ilmu dan menegakkan nilai.



*Yang arif itu ilmunya,  
Yang budiman itu akhlaknya;  
Yang disanjung itu budinya,  
Yang dikenang itu jasanya.*

# Sirih Setepak



**Encik Abdul Harris Sumardi**  
Naib Presiden  
Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM)



**Encik Mohd Saat Abdul Rahman**  
Editor  
Berita Harian (BH)



**Dr Intan Azura Mokhtar**  
Anggota Parlimen GRC Ang Mo Kio  
Ahli, Majlis Bahasa Melayu  
Singapura (MBMS)



**Encik Zafilin Abdul Hamid**  
Ahli, Jawatankuasa Pembelajaran dan  
Penggalakan Penggunaan Bahasa  
Melayu (MLLPC)

*Guru,  
dikaulah pelita menerangi kegelapan  
membakar diri bagai lilin; berkorban  
memimpin murid harungi cabaran  
jadi sandaran dalam samar pandangan.*

*Guru,  
dikaulah pendidik anak bangsa  
curah bakti sepanjang masa  
Terima kasih, guru-guru bahasa  
Pengorbananmu kami hargai sampai bila-bila.*

Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) 2015 yang diberi kepada guru Bahasa Melayu sekolah arus utama sejak 2007, bertujuan mengiktiraf sumbangan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. AGAB kini memasuki tahun kesembilan dan sudah mengiktiraf 36 guru sekolah rendah, menengah dan prauniversiti.

Besar hati kami dapat mempengerusikan jawatankuasa sekali lagi. Kami yakin akan kebolehan guru-guru Bahasa Melayu memperkembang penggunaan dan menyuburkan minat pelajar terhadap bahasa.

Tahun ini, barisan calon penerima AGAB hebat-hebat belaka. Senarai pencapaian dan penglibatan mereka dalam kegiatan bahasa serta budaya Melayu wajar dipuji. Ada yang menganjurkan perkhemahan. Ada pula mengongsi pengalaman dalam seminar kebahasaan. Ada pula terlibat dalam persembahan drama. Mereka serba boleh!

Bahkan, keupayaan mereka terbukti lagi apabila AGAB memperkenalkan proses saringan yang lebih mencabar buat julung-julung kalinya dalam sejarah. Lapan calon yang berjaya memasuki peringkat akhir kini melalui dua proses tambahan, iaitu pengajaran mikro dan penulisan esei. Ini selain sesi temuduga yang menjadi kelaziman pada peringkat akhir pemilihan AGAB.

Jelas tertanam semangat waja dalam hati mereka kala melayari dunia pendidikan. Mereka berjuang memartabatkan bahasa dan budaya Melayu dalam bilik darjah, baik menerusi kaedah kreatif mahupun biasa, sekaligus membangkitkan minat para pelajar.

Setinggi-tinggi tahniah kepada empat penerima AGAB kali ini. Kami yakin mereka mampu menjadi contoh yang arif lagi budiman kepada guru lain dan pelajar. Semoga mereka terus sudi berkongsi ilmu, di samping menyemai nilai positif dalam diri orang sekeliling.

Dalam pada itu, AGAB turut meraikan sumbangan guru-guru perintis sempena ulang tahun kemerdekaan negara ke-50, atau lebih dikenali sebagai SG50. Sedang generasi perintis bidang lain diberi penghargaan, usah dilupakan perit maung yang dilalui golongan perintis dalam merintis laluan pendidikan terdahulu.

Pelbagai onak dan duri terpaksa mereka redahi demi membangunkan bangsa. Mereka berjaya melahirkan generasi masyarakat Melayu yang berilmu, matang dan tidak berputus asa menggapai kemajuan hari ini. Malah, mereka turut melahirkan generasi guru pelapis yang akan meneruskan warisan pengajaran pada masa hadapan.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada anggota jawatankuasa AGAB 2015. Sepanjang tahun ini, mereka telah bertungkus lumus menjayakan penganugerahan ini serta pelbagai program susulan AGAB.

Dirgahayu bahasa, budaya dan bangsa Melayu!

# *Trofi AGAB*

Arca yang dicipta melambangkan ciri murni seorang guru. Batang padi yang sarat dengan buahnya menjadi ilham yang mengasaskan penciptaan arca ini; sejajar dengan maksud perumpamaan Melayu, "Bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk". Batang padi yang menunduk kerana sarat dengan buah padi menjadi simbol bagi seorang guru yang arif - penuh dengan ilmu, namun tetap merendah diri, berbudi bahasa dan rela berbakti diri pada masyarakat. Setiap butir padi yang terdapat pada batang yang melentok merupakan ilmu milik guru yang sedia dikongsi dengan muridnya untuk menjadikan mereka insan arif budiman. Membina watak arif budiman pula bukan setakat menjadi visi pendidikan, bahkan melibatkan usaha untuk membangunkan kebudayaan. Maka, batang padi di bahagian bawah arca melambangkan asas teguh yang menopang usaha pendidikan dan pembangunan ini. Batang padi ini kemudiannya dibentuk khas menjadi huruf 'G' untuk mewakili 'Guru' yang dianugerahi gelaran Guru Arif Budiman.



# *Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2015*



**Cikgu Norazlina Abdul Jalil**  
Guru Teladan  
Sekolah Menengah Naval Base



**Cikgu Nurisha Hamid**  
Guru Teladan  
Sekolah Menengah Coral



**Cikgu Nur' Abidah Abdul Rahman**  
Guru Perangsang  
Sekolah Menengah Bedok Green



**Cikgu Marliana Mohd Rashid**  
Guru Perangsang  
Sekolah Rendah Telok Kurau

# Penerima AGAB 2015

Kategori Teladan bagi Sekolah Menengah



**Cikgu Norazlina Abdul Jalil**  
Sekolah Menengah Naval Base

## *a) Pengalaman mengajar*

Cikgu Norazlina berpengalaman mengajar di sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Beliau memulakan kerjayanya sebagai seorang guru di Sekolah Rendah Woodlands Ring setelah tamat mengikuti kursus diploma di Institut Pendidikan Nasional (NIE). Setelah mengajar selama beberapa tahun, beliau melanjutkan pengajiannya di Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.

Setelah tamat pengajiannya di UM pada tahun 2007, Cikgu Norazlina mengajar di Sekolah Menengah Naval Base sehingga ke hari ini. Beliau merupakan Guru Penyelaras Bahasa Melayu di sekolahnya. Selain itu, Cikgu Norazlina juga merupakan guru kokurikular sukan Sepak Takraw di sekolahnya. Sejak Julai 2015, sekolahnya telah mengenal pasti Cikgu Norazlina sebagai guru yang berpotensi untuk memegang jawatan Guru Kanan.

Seperkara yang amat disyukuri Cikgu Norazlina ialah beliau telah melalui pengalaman mengajar yang agak luas - mengajar pelajar dari peringkat darjah satu sehinggalah menengah empat. Baginya, pengalaman yang dilalui itu amat berharga kerana pengalaman tersebut telah membentuk keperibadiannya sebagai seorang guru yang lebih berupaya untuk menyesuaikan diri dengan keperluan pelajar yang pelbagai.

### *b) Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya*

Antara cabaran yang Cikgu Norazlina hadapi sebagai guru di sebuah sekolah kejuruan ialah latar belakang pelajar-pelajarnya yang pelbagai. Terdapat pelajar yang berhadapan dengan masalah kehidupan yang mencabar dan cabaran bagi Cikgu Norazlina pula adalah untuk meyakinkan pelajar-pelajar sebegini bahawa mereka juga sebenarnya boleh berjaya walaupun berhadapan dengan pelbagai rintangan. Yang utama, mereka tidak harus berputus asa. Sebagai dorongan kepada para pelajarnya, Cikgu Norazlina sering berkongsi pengalaman peribadinya. Antara pengalaman yang dikongsi ialah kegagalan beliau untuk memasuki universiti tempatan setelah tamat pengajian di sebuah maktab rendah. Cikgu Norazlina sering menasihati pelajar-pelajarnya bahawa kegagalan yang dihadapi bukan bererti segala impian turut musnah. Sebaliknya, kegagalan tersebut harus dijadikan perangsang untuk menyemarakkan semangat agar dapat bangkit semula dan terus memburu impian tersebut sehingga mencapai kejayaan.

Selain itu, Cikgu Norazlina turut berhadapan dengan pelajar-pelajar yang tidak fasih menggunakan bahasa Melayu. Di rumah, pelajar-pelajar ini berkomunikasi dengan anggota keluarga mereka dalam bahasa Inggeris. Inilah hakikat yang perlu dihadapi oleh guru-guru Bahasa Melayu masa kini. Untuk mengatasi masalah tersebut, Cikgu Norazlina mempelbagaikan cara mengajarnya agar para pelajarnya teruja untuk mempelajari Bahasa Melayu dan sedar akan kepentingan serta kerelevanan mempelajari Bahasa Melayu.

### *c) Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru*

Detik paling manis bagi Cikgu Norazlina ialah kejayaan beliau meyakinkan salah seorang pelajarnya agar tidak berputus asa apabila pelajarnya itu gagal melanjutkan pelajaran ke politeknik seperti yang diimpikan. Akibat kegagalannya itu, pelajar tersebut membuat keputusan melanjutkan pelajarannya di sebuah institusi swasta pula. Namun, Cikgu Norazlina telah menasihatinya agar melanjutkan pelajaran ke Institut Pendidikan Teknikal (ITE) terlebih dahulu. Beliau memaklumkan pelajarnya itu tentang adanya laluan bagi para lulusan ITE untuk ke politeknik dan meyakinkan bahawa pelajar itu boleh berjaya. Selang beberapa tahun selepas itu, pelajar tersebut menulis kepada Cikgu Norazlina di laman media sosial. Pelajarnya itu melahirkan penghargaan kepada beliau atas nasihat dan sokongan yang diberikan. Rupa-rupanya, setelah menuntut di ITE, pelajar itu berjaya melanjutkan pelajaran di politeknik. Cikgu Norazlina mencerminkan bahawa

sebagai guru, beliau berbesar hati kerana berjaya meninggalkan impak dalam diri pelajarnya itu.

#### *d) Harapan sebagai seorang guru*

Harapan Cikgu Norazlina agar para pelajarnya menjadi individu-individu yang berjaya mencapai impian mereka dan menyumbang semula kepada masyarakat. Cikgu Norazlina juga berharap para pelajarnya sedar akan kerelevanan mempelajari Bahasa Melayu dan kepentingan meneruskan penggunaan bahasa tersebut agar bahasa Melayu kekal relevan dan dinamik.

Selain itu, keinginannya untuk memajukan diri tidak pernah padam. Beliau ingin terus mengikuti perkembangan-perkembangan terkini dalam dunia pendidikan. Beliau tidak mahu berada di takuk lama. Lantas, beliau telah mendapatkan idea-idea baharu dan keberaniannya untuk keluar daripada zon selesa amat penting. Cara yang berkesan untuk mengajar Bahasa Melayu ingin terus diterokai agar rasa cinta terhadap bahasa Melayu dalam kalangan para pelajarnya dapat disemai dan akan terus mekar.



# Penerima AGAB 2015

Kategori Teladan bagi Sekolah Menengah



**Cikgu Nurisha Hamid**  
Sekolah Menengah Coral

## *a) Pengalaman mengajar*

Kerjaya Cikgu Nurisha Hamid sebagai guru Bahasa Melayu bermula pada tahun 1992 di Sekolah Rendah Qiaonan. Pada tahun 2002, tanggungjawabnya untuk mendidik anak bangsa diteruskan di Sekolah Menengah Coral pula.

Beliau dilantik menjadi Guru Penyelaras Pendidikan Sivik dan Moral dua tahun selepas itu sehinggalah tahun 2010. Tugas beliau pada ketika itu bukan hanya tertumpu kepada menghasilkan pakej-pakej pembelajaran CME sahaja, malah beliau juga perlu memikirkan strategi untuk menggabungkan pengajaran subjek tersebut dengan subjek lain. Tugas ini amat mencabar kerana memerlukan kerjasama Ketua-ketua Jabatan yang lain.

Pada tahun 2011, Cikgu Nurisha dilantik sebagai Guru Kanan Bahasa Melayu. Cabarannya bertambah. Cikgu Nurisha perlu bertindak sebagai mentor kepada guru-guru Bahasa Melayu yang lain di samping mempelajari kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baharu dan sesuai dengan peredaran zaman. Beliau kemudian turut ditugaskan untuk menjadi pembimbing kepada Guru-guru Baharu di sekolahnya. Beliau membantu guru-guru tersebut menyesuaikan diri dengan tugas sekolah dan memantau kemajuan diri mereka sebagai seorang guru.

### *b) Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya*

Bagi Cikgu Nurisha, setiap guru perlu menyahut cabaran untuk mempertingkatkan keupayaannya dalam melaksanakan tugas bukan sahaja di dalam bilik darjah, malah di sekolah secara amnya. Cabaran pertama yang dihadapinya - apabila berdepan dengan pelajar-pelajar abad ke-21. Beliau perlu memantapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang setaraf dengan perkembangan era globalisasi. Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu perlu kreatif dan menarik. Beliau sentiasa meneroka kaedah-kaedah pengajaran yang lebih efektif agar dapat menarik minat pelajar-pelajar terhadap Bahasa Melayu.

Cabaran kedua adalah untuk memahirkan diri dengan pengetahuan ICT terkini agar dapat digunakan untuk memudahkan proses pengajaran. Cikgu Nurisha juga sentiasa mempertingkat kemahiran dan pengetahuan dalam aspek pendidikan dan pedagogi sejajar dengan perkembangan semasa agar kekal relevan.

Namun, cabaran yang terpenting bagi Cikgu Nurisha adalah untuk memastikan bukan sahaja pencapaian akademik seseorang pelajar terjamin, malah membimbing para pelajar dengan nilai-nilai murni yang menjadi teras dalam kehidupan. Lantas, beliau harus sentiasa peka dengan keadaan pelajar hari ini serta mengambil pendekatan yang bersifat realistik serta memperlihatkan akhlak yang indah agar menjadi contoh teladan terbaik buat mereka.

### *c) Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru*

Sebagai seorang guru yang telah berkhidmat selama 13 tahun, tentunya banyak sekali detik manis mahupun pahit yang pernah dilalui Cikgu Nurisha. Namun, detik paling manis baginya ketika beliau menerima mesej pesanan ringkas lebih kurang dua tahun yang lalu daripada bekas pelajarnya, Noor Hidayah Noordin. Cikgu Nurisha diberitahu bekas pelajarnya itu bahawa beliau telah diterima untuk meneruskan pengajian di Institut Pendidikan Nasional (NIE) dalam kursus pengajian Bahasa Melayu. Noor Hidayah tidak putus-putus mengucapkan terima kasih atas tunjuk ajar yang diberikan sambil menyatakan bahawa Cikgu Nurishalah sumber inspirasi untuk beliau menjadi seorang guru Bahasa Melayu. Yang paling mengharukan Cikgu Nurisha; walaupun sudah lebih kurang tiga tahun meninggalkan Sekolah Menengah Coral, Noor Hidayah masih mengingatnya. Cikgu Nurisha bersyukur kerana mempunyai pelajar-pelajar yang ingin meneruskan perjuangan mendidik generasi yang akan datang.

#### *d) Harapan sebagai seorang guru*

Harapan utama penerima AGAB 2015 ini - beliau mahu terus mendidik dan membimbing pelajar-pelajarnya dengan penuh dedikasi dan kasih sayang. Cikgu Nurisha berharap untuk meneruskan penggunaan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan inovatif, penerapan kemahiran abad ke-21 di samping nilai dan kemahiran moral dalam kehidupan pelajar-pelajarnya. Bak kata pujangga Usman Awang, 'Setiap kejayaan dicapai manusia, titik pangkalnya bermula daripada guru'. Amatlah penting bagi seorang guru mengasuh dan mendidik pelajar-pelajarnya menjadi masyarakat yang berguna dan bertanggungjawab.

Selain itu, sebagai Guru Kanan, beliau ingin terus memberikan sokongan dan bimbingan kepada Guru-guru Baharu mahupun guru-guru lain. Salah satu perkara yang akan terus dilakukan adalah dengan menjalankan kajian tindakan bersama guru-guru Bahasa Melayu yang lain untuk mempertingkatkan kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran serta berkongsi dapatan dan kaedah pengajaran yang berkesan melalui pelbagai platform seperti sesi perkongsian dan sebagainya.



# Penerima AGAB 2015

Kategori Perangsang bagi Sekolah Menengah



**Cikgu Nur' Abidah Abdul Rahman**  
Sekolah Menengah Bedok Green

## *a) Pengalaman mengajar*

Dorongan kuat ayahnya menjadi titik tolak bagi Cikgu Nur' Abidah menceburi dunia perguruan. Atas dasar cinta dan hormat akan kedua-dua orang tuanya, beliau mengambil keputusan untuk memilih kerjaya dalam bidang perguruan kerana kedua-dua ibu bapanya menganggap kerjaya sebagai seorang guru satu kerjaya yang amat mulia. Sewaktu di bangku sekolah pula, Cikgu Nur' Abidah sememangnya tertarik akan keikhlasan dan kesungguhan beberapa orang guru Bahasa Melayunya yang mengajar dan mendidik para pelajar dengan teknik pengajaran yang baik. Dari situlah timbulnya bibit cinta akan bahasa dan budaya Melayu dalam dirinya. Semua faktor ini telah membentuk cara Cikgu Nur' Abidah mengemudikan perjalanan beliau sebagai seorang guru Bahasa Melayu.

Pada tahun 2006, sejeurus selepas tamat pengajian sarjana muda di Institut Pendidikan Nasional (NIE), beliau mula mengajar Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Bedok Green sehingga kini. Berbekalkan keinginan untuk sentiasa mempertingkatkan kemahiran diri, beliau telah mengikuti Program Sarjana Pendidikan (Bahasa Melayu) pada tahun 2011. Kemudian, setelah berkhidmat selama 6 tahun, beliau menyandang jawatan Ketua Subjek Estetik disebabkan kecenderungannya dalam seni persembahan. Pada masa yang sama, beliau juga mengetuai Jabatan Kesenian di sekolahnya.

## *b) Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya*

Bagi Cikgu Nur' Abidah, kerjaya dalam bidang perguruan sudah pastinya mempunyai cabaran yang berbeza dengan kerjaya lain. Cabaran-cabaran inilah yang membentuk keperibadian dan cara beliau mengajar dan bertindak di dalam kelas. Sewaktu berhadapan dengan sesuatu cabaran dan ketika mencari jalan penyelesaian, Cikgu Nur' Abidah sering kembali kepada pendirian asas yang dipegangnya; iaitu mencurahkan kasih sayang dan mengambil berat akan apa-apa yang berlaku dalam kehidupan anak didiknya. Bukan mudah melakukan demikian. Banyak pengorbanan yang diperlukan - masa, wang ringgit, tenaga dan perasaan. Namun, beliau mendapati bahawa curahan kasih sayang daripada guru-guru di sekolah memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk pemikiran pelajar-pelajar ketika menghadapi kehidupan yang hakiki.

Mengamalkan pendekatan sebegini merupakan antara cabaran terbesar dalam kerjaya Cikgu Nur' Abidah yang boleh dianggap masih 'muda' ini. Malah, salah seorang rakan seperjuangan Cikgu Nur' Abidah pernah mengatakan kepadanya bahawa beliau bak dian yang menerangi orang lain tetapi membakar diri sendiri. Meskipun demikian, Cikgu Nur' Abidah berasa kehidupannya lebih bermakna apabila melihat pengorbanannya itu membuahkan hasil yang diharapkan. Lantas, guru yang berdedikasi ini sanggup menanggung segala risiko yang mungkin perlu dihadapi demi anak didiknya.

Pelajar-pelajar yang mempersoalkan kerelevanan bahasa Melayu pada masa kini merupakan satu lagi cabaran yang dihadapi Cikgu Nur' Abidah. Mereka berpendapat bahawa bahasa Melayu tidak mempunyai peranan dalam perkembangan zaman ini. Lantaran itu, Cikgu Nur' Abidah terangsang untuk memikirkan cara-cara untuk membuktikan kerelevanan subjek tersebut. Antara cara-cara tersebut termasuklah mendedahkan pelajar-pelajar kepada perbincangan, drama dan kesenian Melayu. Usaha ini bertujuan untuk menyediakan peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan sendiri bahasa tersebut dan menjiwai keindahannya dalam kehidupan seharian mereka.

## *c) Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru*

Sukar bagi Cikgu Nur' Abidah menentukan detik paling manis yang mengisi kehidupannya sebagai guru. Setiap peristiwa yang dilalui mempunyai keistimewaan yang tersendiri dan telah menyuntik semangat untuk beliau

meneruskan perjalanan sebagai seorang guru. Bagi Cikgu Nur' Abidah, beliau akan berasa puas hati apabila pelajar memahami pelajaran yang diajarkan. Begitu juga apabila beliau berjaya membuat pelajar yang berpandangan sinis terhadap bahasa Melayu pada awalnya berubah sikap, malah jatuh cinta akan bahasa Melayu setelah mengikuti kelasnya. Beliau juga bersyukur kerana ada dalam kalangan pelajarinya yang kini menyatakan hasrat ingin meneruskan perjuangan memartabatkan bahasa Melayu. Perkara-perkara inilah yang terus mendorong beliau untuk terus mendidik pelajar-pelajarnya dengan baik.

#### *d) Harapan sebagai seorang guru*

Harapan beliau sebagai guru? Tidak lain daripada melihat anak didiknya yang tersayang menyumbang kembali kepada keluarga, negara dan dunia. Beliau mahu mereka menyemat tekad untuk sentiasa memperbaiki diri tanpa mepedulikan cabaran yang bakal menghalang. Anak didik beliau diharap dapat merantau dan menimba sebanyak ilmu dan pengalaman. Mereka perlu mempunyai keinginan untuk memartabatkan bahasa Melayu ke tahap yang lebih tinggi.



# Penerima AGAB 2015

Kategori Perangsang bagi Sekolah Rendah



**Cikgu Marliana Mohd Rashid**  
Sekolah Rendah Telok Kurau

## *a) Pengalaman mengajar*

Cikgu Liana - itulah panggilan yang digunakan oleh anak-anak didik Cikgu Marliana Mohamed Rashid di Sekolah Rendah Telok Kurau sejak 9 tahun lalu. Selepas lulus Peperiksaan GCE Peringkat 'O' pada tahun 2000, Cikgu Marliana telah mendaftarkan diri untuk menyertai Program Latihan Khas (STP) di Kampus Townsville pada usia 18 tahun.

Tugas yang diamanahkan telah mengembangkan keupayaan beliau untuk menyumbang kepada pembelajaran murid-muridnya. Pada tahun 2006, Cikgu Liana dilantik sebagai Guru Penyelaras Pendidikan Nasional sekolahnya. Melalui platform ini, pelbagai aktiviti telah diusahakan. Misalnya, projek Bazar Budaya yang dianjurkan semasa sambutan Hari Keharmonian Kaum dan drama 'Sapta' yang telah dipentaskan untuk tontonan awam di Taman Warisan Melayu pada Mac 2014.

Cikgu Marliana sentiasa merebut peluang untuk menimba ilmu. Beliau terlibat dalam pelbagai kajian yang dijalankan pihak Kementerian Pendidikan (MOE) umpamanya, Kajian Tindakan – Alat Penilaian untuk Pembelajaran bersama Unit Bahasa Melayu (MLU, CPDD) pada tahun 2007 dan Kajian Pembelajaran Pelajaran Kefahaman pada tahun 2011. Selain itu, Cikgu Marliana turut mengikuti Penempatan Sementara Guru-Guru di MLU, CPDD (MOE). Cikgu Marliana juga merupakan salah seorang penerima anugerah yang dikeluarkan MOE pada tahun 2012 dan graduan Pengajian Bahasa Melayu yang terbaik pada tahun 2014 semasa menuntut di peringkat sarjana di UniSIM.

Tugas-tugas tambahan yang dilakukan oleh Cikgu Marliana membuka peluang dan ruang bagi beliau meningkatkan kemahiran sebagai seorang guru. Selain itu, Cikgu Marliana telah menerajui beberapa sesi perkongsian untuk ibu bapa dan juga guru-guru.

Kegiatan kokurikular turut dititikberatkan oleh Cikgu Marliana. Beliau memimpin pasukan Pandu Puteri sekolahnya yang berjaya merangkul pingat emas Puan Noor Aishah dari tahun 2008-2014.

### *b) Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya*

Cikgu Marliana amat bimbang akan trend penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat kita dewasa ini. Beliau menghadapi cabaran yang paling hebat untuk memastikan anak-anak didiknya terus berasa bangga dan tidak janggal berbahasa Melayu.

Lantas, Cikgu Marliana perlu mengambil peranan yang lebih proaktif untuk mengisi jiwa anak-anak didiknya dengan rasa cinta terhadap bahasa dan budaya Melayu. Budaya Melayu turut dititikberatkan kerana bahasa tidak dapat wujud tanpa konteks. Dengan meningkatkan pendedahan terhadap budaya Melayu dan memperkaya pengetahuan murid-muridnya tentang budaya, Cikgu Marliana yakin beliau akan dapat menerapkan kesantunan Melayu yang murni dalam jiwa anak-anak didiknya.

### *c) Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru*

Salah satu detik yang paling manis bagi Cikgu Marliana adalah apabila anak-anak didiknya berjaya membuktikan kebenaran peri pentingnya mempunyai matlamat - sesuatu yang sentiasa ditekankan dalam usahanya untuk mendidik mereka. Tujuh orang muridnya adalah antara murid cemerlang dalam Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) pada tahun 2010 di sekolahnya. Mereka turut meraih gred A\* dalam subjek Bahasa Melayu dan gred Kepujian bagi Bahasa Melayu Lanjutan. Kejayaan ini amat bermakna bagi Cikgu Marliana kerana beliau telah berhempas-pulas mempersiapkan mereka untuk peperiksaan tersebut. Kisah kejayaan murid-muridnya ini telah menghiasi muka hadapan akhbar Berita Harian.

Yang nyata, kejayaan seseorang guru tidak cukup diukur melalui kejayaan muridnya dalam peperiksaan. Kejayaan yang sebenar bagi guru bahasa seperti ini adalah apabila murid yang dibimbing terus mencintai bahasa Melayu dan berminat untuk mendalami pengajian mereka.

*d) Harapan sebagai seorang guru*

Takkan Melayu Hilang Di Dunia - Cikgu Marlina yakin bahawa selagi jiwa Melayu masih bernadi, bahasa Melayu akan terus tumbuh dan mekar di dalam hati kita. Namun begitu, beliau berharap semua anak bangsa akan menyahut cabaran untuk memastikan bahasa Melayu kekal relevan dan dikekalkan kemurnian dan kesantunannya. Biarlah apa-apa pun fenomena yang datang melanda, jika kita berpegang pada jati diri kita, bangsa dan bahasa pasti akan terpelihara.

Generasi muda perlu mendukung harapan ini dan meneruskan legasi yang selama ini terpelihara. Kita harus terus menyokong polisi dwibahasa demi kesejagatan dan penakatan kita. Namun, keseimbangan dalam berbahasa perlu dikekalkan.



# *Calon Peringkat Akhir Anugerah Guru Arif Budiman 2015*



**Cikgu Sanisah Rahim**  
Guru Teladan  
Sekolah Rendah Huamin



**Cikgu Rozita A. Hamid**  
Guru Teladan  
Sekolah Rendah Woodlands Ring



**Cikgu Hafizah Juma'eh**  
Guru Perangsang  
Sekolah Rendah Radin Mas



**Cikgu Asnur Mursalin Aspar**  
Guru Perangsang  
Sekolah Menengah Gan Eng Seng

# Calon Peringkat Akhir AGAB 2015

Kategori Teladan bagi Sekolah Rendah



**Cikgu Sanisah Rahim**  
Sekolah Rendah Huamin

## *a) Pengalaman mengajar*

Cikgu Sanisah telah bertugas sebagai guru Bahasa Melayu selama 13 tahun. Beliau telah berkhidmat di Sekolah Rendah Woodgrove selama 6 tahun. Kemudian, pada tahun 2009, beliau telah berpindah ke Sekolah Rendah Huamin. Beliau telah mengikuti pengajian di UniSIM dan berjaya menamatkan pengajiannya itu pada tahun 2013.

## *b) Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya*

Perkembangan teknologi yang pesat telah banyak mengubah haluan dan cara pengajaran. Cikgu Sanisah merasakan bahawa dalam usianya sekarang, perubahan sedemikian menjadi salah satu cabaran yang perlu dihadapinya untuk kekal relevan sebagai seorang guru dalam abad ke-21 ini.

Oleh itu, beliau harus menyesuaikan diri dengan perkembangan era globalisasi terutama sekali dalam penggunaan ICT dalam pengajaran. Teknik pembelajaran perlu mengikuti perkembangan semasa agar murid tidak berasa bosan apabila mempelajari Bahasa Melayu di bilik darjah. Pendekatan dalam pengajaran Bahasa Melayu kini lebih berbentuk proaktif. Justeru beliau berusaha untuk sentiasa mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuannya dalam bidang pendidikan. Beliau juga mengaplikasikan kaedah-kaedah pengajaran yang terkini agar sehaluan dengan peredaran zaman. Dengan ini, dapatlah murid digerakkan untuk berfikir secara kreatif dan kritikal.

### *c) Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru*

Setiap tahun, bekas muridnya akan datang menziarahinya pada Hari Guru. Apabila mereka bercerita tentang kisah-kisah masa lalu semasa mereka di bawah asuhan beliau sambil mengongsi kejayaan mereka yang terkini inilah saat yang sungguh menyenangkan hati Cikgu Sanisah. Rasanya, semua jerih payah dan usaha keras mendidik murid-muridnya tidak sia-sia. Sikap bekas murid-muridnya yang bukan seperti kacang melupakan kulit itu telah membuat beliau berasa sangat gembira dan bersyukur.

### *d) Harapan sebagai seorang guru*

Seorang sarjana Barat pernah berkata, "Seandainya seorang doktor membuat kesilapan, dia akan membunuh hanya seorang pesakit. Tetapi, jika seorang guru yang tidak menjalankan tugas dengan betul, dia akan menyebabkan rosaknya satu generasi." Kekata ini menjelaskan betapa pentingnya tugas seorang guru. Dengan demikian, Cikgu Sanisah berharap agar beliau dapat terus menjalankan amanah yang diberikan dengan penuh dedikasi. Untuk berbuat demikian, beliau bukan sahaja melengkapkan diri dengan kemahiran dan kaedah pengajaran yang terkini, malah beliau juga tidak lokek berkongsi pengetahuan dan pengalaman beliau dengan guru-guru lain.



# Calon Peringkat Akhir AGAB 2015

Kategori Teladan bagi Sekolah Rendah



**Cikgu Rozita A. Hamid**  
Sekolah Rendah Woodlands Ring

## *a) Pengalaman mengajar*

Cikgu Rozita telah berkecimpung dalam bidang pendidikan selama 13 tahun. Pada peringkat awal dalam kerjayanya, beliau telah dikenal pasti untuk memegang jawatan Guru Penyelaras Bahasa Melayu di sekolahnya. Cikgu Rozita mengikuti pengajian di UniSIM dan berjaya mendapat ijazahnya pada tahun 2008. Tidak lama kemudian, beliau dilantik menjadi Guru Kanan. Kedudukannya itu membolehkan beliau membantu guru-guru lain untuk mengembangkan dan meningkatkan kemahiran mengajar mereka. Misalnya, beliau membantu guru-guru dalam jabatannya melakarkan rancangan pengajaran mingguan untuk digunakan oleh semua guru Bahasa Ibunda di sekolah beliau.

## *b) Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya*

Di Singapura, bahasa Inggeris merupakan bahasa dominan yang digunakan dalam pelbagai bidang. Namun, penggunaan bahasa Inggeris yang meluas dan statusnya sebagai bahasa global menjadikan pengajaran Bahasa Melayu semakin mencabar. Murid-murid lebih selesa bertutur dalam bahasa Inggeris. Penguasaan kosa kata bahasa Melayu mereka terhad. Lantas, ini menghambat keupayaan mereka bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu. Oleh itu, Cikgu Rozita harus menggunakan pelbagai strategi untuk menarik perhatian dan mendapatkan penyertaan mereka. Misalnya, beliau menjalankan program pengayaan Drama dan Pertuturan agar menggalakkan murid-muridnya bertutur dengan lebih yakin.

### *c) Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru*

Detik paling manis dalam kerjaya Cikgu Rozita sebagai guru adalah apabila beliau mendapat pengakuan ikhlas daripada para pelajar dan ibu bapa serta rakan-rakan seperjuangan bahawa beliau telah meninggalkan kesan atau impak dalam kehidupan mereka.

Pada tahun 2013 misalnya, beliau menjalankan Ceramah Motivasi bagi murid-murid Darjah 6 yang bakal menduduki peperiksaan PSLE setelah mendapat tahu bahawa terdapat pelajar yang mempunyai masalah peribadi yang mungkin menjejaskan persiapan mereka untuk peperiksaan tersebut. Inisiatifnya ini turut membantu guru-guru di sekolahnya untuk sentiasa peka terhadap keperluan dan masalah murid-murid mereka.

### *d) Harapan sebagai seorang guru*

Sebagai guru Bahasa Melayu, Cikgu Rozita mahu melihat lebih ramai muridnya bertutur dalam bahasa Melayu dan juga membaca buku-buku bahasa Melayu. Beliau berharap para pelajar dapat mengimbangi penguasaan mereka dalam kedua-dua bahasa ini. Pastinya, beliau juga mahu melihat lebih banyak usaha untuk memelihara dan menghidupkan serta melestarikan bahasa Melayu. Baginya, usaha mempromosikan penggunaan bahasa Melayu memerlukan kerjasama bukan sahaja pemerintah dan sekolah, malah masyarakat dan keluarga.



# Calon Peringkat Akhir AGAB 2015

Kategori Perangsang bagi Sekolah Rendah



**Cikgu Hafizah Juma'eh**  
Sekolah Rendah Radin Mas

## *a) Pengalaman mengajar*

Kerjaya Cikgu Hafizah dalam bidang pendidikan bermula pada tahun 2007. Sebagai guru, beliau bukan sekadar mengajar Bahasa Melayu tetapi pada masa yang sama beliau turut menyemai nilai murni dalam diri murid-muridnya. Hakikatnya, beliau banyak menimba ilmu daripada murid-muridnya. Mereka menjadikannya seorang insan yang lebih bersyukur dengan apa yang dimiliki. Dalam menangani kerenah mereka yang pelbagai pula, beliau lebih memahami erti kesabaran. Beliau juga lebih peka akan pembaharuan-pembaharuan dalam bidang pendidikan yang boleh dimanfaatkan bagi membentuk anak-anak didiknya agar menghargai dan mencintai bahasa dan budaya Melayu.

## *b) Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya*

Pada zaman ini, manusia sibuk mengejar kejayaan dunia. Oleh itu, masa berkualiti yang diluangkan bersama keluarga kadang kala hampir tiada. Sebagai guru, hal ini sudah tentunya menjadi cabaran bagi Cikgu Hafizah yang harus menghadapi para pelajar yang tidak mempunyai sokongan keluarga. Murid-murid seperti ini biasanya tidak terdorong untuk belajar apatah lagi mempunyai keinginan untuk mencapai kejayaan. Ramai pula yang beranggapan bahawa bahasa Melayu tiada nilainya berbanding bahasa Inggeris. Oleh itu, semakin ramai murid yang tidak fasih menggunakan bahasa Melayu apatah lagi mengenali teks-teks Melayu seperti puisi, cerita rakyat dan sebagainya. Pendedahan kepada syair, pantun, muzik dan tarian Melayu juga minimal. Justeru bagi Cikgu Hafizah dan teman-teman seperjuangannya,

menyemai rasa cinta kepada bahasa dan budaya Melayu dalam diri murid-murid mereka menjadi cabaran utama.

### *c) Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru*

Memang banyak detik manis yang mewarnai hidup Cikgu Hafizah sebagai seorang guru. Namun, yang paling manis adalah apabila seorang murid darjah satu yang tidak tahu membaca, kini pandai membaca setelah dibimbing olehnya. Kini, murid tersebut bukan sahaja boleh membaca dan menulis, malah lebih yakin untuk berinteraksi di dalam kelas serta cemerlang pula dalam bidang akademik.

### *d) Harapan sebagai seorang guru*

Bagi Cikgu Hafizah, mendidik murid-muridnya merupakan amanah yang harus beliau galas. Beliau berharap dapat menimba ilmu sepanjang hayatnya dalam usaha untuk mendidik anak bangsa dengan sebaik mungkin. Beliau juga berharap ibu bapa, masyarakat dan pemerintah dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam menerapkan rasa cinta terhadap bahasa dan budaya Melayu. Bahasa Melayu bukanlah sekadar subjek yang diajarkan di sekolah tetapi merupakan faktor yang mempengaruhi jati diri bangsa kita.



# Calon Peringkat Akhir AGAB 2015

Kategori Perangsang bagi Sekolah Menengah



**Cikgu Asnur Mursalin Aspar**  
Sekolah Menengah Gan Eng Seng

## *a) Pengalaman mengajar*

Doa ibu Cikgu Asnur dimakbulkan. Kini, genaplah 9 tahun beliau mengajar di Sekolah (Menengah) Gan Eng Seng. Selain mengaplikasikan pelbagai kaedah pengajaran berdasarkan profil setiap kelas yang berbeza, beliau juga diberikan tugas lain yang mencabar. Antaranya termasuklah menjadi Guru Penyelaras Bimbingan Kerjaya dan juga mengendalikan hal-hal bersangkutan Pengurusan Pengetahuan. Kini, Cikgu Asnur mula menebarkan sayap untuk menyahut cabaran yang lebih berat. Beliau semakin giat berkongsi pengetahuannya dalam bidang pendidikan bukan sahaja di peringkat sekolah, malah di peringkat nasional dan juga serantau (Brunei Darussalam).

## *b) Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya*

Setiap guru tentunya pernah merasai keperitan mendidik anak-anak muda yang mempunyai pelbagai perangai, sikap dan tingkah laku. Namun begitu, setiap kali Cikgu Asnur berdepan dengan pelajar-pelajar yang mencabar, beliau akan cuba untuk menyelidik latar belakang pelajar tersebut supaya lebih memahami cara yang terbaik untuk menangani mereka. Setiap cabaran yang dihadapi berkaitan dengan ragam pelajar telah mengajar beliau untuk menjadi seorang guru yang lebih berkesan.

Selain itu, ramai pelajar kini kurang mendapat pendedahan kepada bahasa dan budaya Melayu. Tak kenal maka tak cinta. Oleh itu, Cikgu Asnur

menganggap memupuk minat terhadap bahasa dan budaya Melayu sebagai satu lagi cabaran besar baginya.

### *c) Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru*


Terlalu banyak kenangan manis yang terpahat di hati Cikgu Asnur. Kenangan-kenangan inilah yang menyemarakkan lagi semangat beliau untuk meneruskan perjuangan sebagai seorang guru.

Cikgu Asnur masih ingat lagi pertanyaan yang dikemukakan oleh salah seorang pelajarinya. Pelajar tersebut bertanya bila agaknya beliau akan menjadi seorang ibu. Namun, jawapan yang diberikan rakan sedarjah pelajar tersebut akan sentiasa diingati Cikgu Asnur. Pelajar tersebut menyatakan bahawa beliau sudah pun menjadi ibu kepada puluhan pelajar yang berada di dalam kelas tersebut.

### *d) Harapan sebagai seorang guru*

Setiap guru bertekad untuk menjadi seorang guru yang arif dan budiman. Begitu juga dengan Cikgu Asnur. Beliau berharap dapat melahirkan pelajar-pelajar yang bakal menjadi insan yang juga arif dan budiman - insan yang bukan sahaja berjaya dan berakhlak, malah berkemahiran untuk menempuhi cabaran hidup dan berguna pula kepada masyarakat. Maka, memberikan pendidikan yang holistik kepada kesemua pelajarinya menjadi keutamaan.





*Jasamu  
Dikenang*


Guru-guru perintis telah banyak menyumbang bakti dan jasa terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Mereka bukan sekadar mengajar Bahasa, tetapi juga telah mendidik masyarakat Melayu demi pembangunan bangsa dan negara. Sempena 50 tahun kemerdekaan Singapura, pihak penganjur Anugerah Guru Arif Budiman juga ingin menghargai sumbangan guru-guru perintis Bahasa Melayu Singapura. Obor semangat mendidik mereka akan kami teruskan.



*Raja Arif turun ke taman,  
Taman sarangan Betara Indera;  
Arif bertemu dengan budiman,  
Terindah daripada laut mutiara.*

“Pada masa lalu, guru-guru harus membuat sendiri bahan pengajaran yang diperlukan. Kini, banyak bimbingan dan bahan mengajar yang tersedia untuk merealisasikan matlamat Arif Budiman dalam diri pelajar.”

**Dr Muhammad Arif Ahmad**  
**91 tahun**  
**Bersara pada tahun 1979**





**Zanal Salleh**  
66 tahun  
Bersara pada  
tahun 2008

**Johari  
Mohamed Rais**  
69 tahun  
Bersara pada  
tahun 2001

**Abdul Wahab  
Hamzah**  
68 tahun  
Bersara pada  
tahun 2003

**Him Pon Iming**  
68 tahun  
Bersara pada tahun 2009

**Abdul Aziz Mohamed Yusof**  
66 tahun  
Bersara pada tahun 2008

**Seis Senan**  
70 tahun  
Bersara pada tahun 2005

**Selamat Omar**  
75 tahun  
Bersara pada  
tahun 2000

**Abdolah Lamat**  
68 tahun  
Bersara pada tahun 2005

Uniform  
Uniforme

Independence: Singapore Division of International Under  
groups have a long and varied history in Singapore. The  
Girl Guides and Scouts Associations were granted in 1910  
to be a School at around the same time. After that, the next to  
Singapore Red Cross in 1949.

Uniformed Groups and Nation Building  
Because independent in 1965, one of the aims of the G  
way of achieving this, Uniformed group activities help  
Having the opportunity to train together also hel

and groups in the late 1960s and 1970s assumed from  
Girl Guides Singapore, Singapore Red Cross, Scout  
also another key group. School bands were later



Pengajaran Bahasa Melayu hari ini cukup mencabar. Murid-murid terlalu terdedah kepada bahasa Inggeris. Lantas, peranan yang harus dimainkan oleh guru Bahasa Melayu semakin besar dan berat. Guru harus mempunyai kemahiran bahasa yang tinggi dan menggunakan kaedah pengajaran yang menarik untuk mengajar Bahasa Melayu.

**Abdul Wahab Hamzah**

**68 tahun**

**Bersara pada tahun 2003**



Kenangan manis saya apabila dianugerahkan 'Pingat Berkebolehan' dan diberikan peluang menyertai lawatan pendidikan ke Jepun anjuran Kementerian Pendidikan Singapura pada tahun 1985.

**Zanal Salleh**

**66 tahun**

**Bersara pada tahun 2008**



Cabaran terbesar yang pernah saya hadapi ialah peralatan mengajar yang tidak mencukupi ketika saya mengajar dahulu. Namun, ini tidak menjadi penghalang.

**Johari Mohamed Rais**

**69 tahun**

**Bersara pada tahun 2001**



Saya mengajar di sekolah rendah selama 16 tahun. Setelah saya berjaya mendapat ijazah Sarjana Muda dari Universiti London, saya terus ditugaskan untuk mengajar di peringkat prauniversiti. Oleh yang demikian, saya perlu membuat penyesuaian.

**Abdul Aziz Mohamed Yusof**

**66 tahun**

**Bersara pada tahun 2008**

“ Setiap guru perlu mengetahui 4 M - ‘mengajar’, ‘mendidik’, ‘menasihati’ dan ‘mengambil tahu’. ‘M’ yang terakhir melibatkan pengetahuan bukan sahaja tentang pelajar yang dididik, malah turut meliputi latar belakang keluarganya. Seseorang yang ingin menjadi guru wajib mempunyai keupayaan untuk menjalankan 4 M ini.”

**Suratman Markasan**

**85 tahun**

**Bersara pada tahun 1995**





Setelah bersara pada tahun 2005, saya menyambung tugas sebagai guru *Contract Adjunct* sehingga ke hari ini. Saya telah mengajar di Sekolah Menengah Juying selama sepuluh tahun. Demi menjaga kesihatan, saya mengisi masa lapang saya dengan bermain golf pada setiap hujung minggu.

**Seis Senan**

**70 tahun**

**Bersara pada tahun 2005**



Sebaik-baiknya, semasa mengajar, kita harus menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya. Penguasaan bahasa Melayu yang baik dapat memperkasakan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar kita dan menjamin bahasa Melayu tetap hidup dan mekar segar di negara Singapura dan di Nusantara.

**Abdolah Lamat**

**68 tahun**

**Bersara pada tahun 2005**



Pohon angkana berbunga merah,  
Bersama cempaka di tepi kota;  
Usah ditanya anugerah negara,  
Tetapi apa sumbangan kita?

**Selamat Omar**

**75 tahun**

**Bersara pada tahun 2000**



Pada awal tahun 1980-an, penggunaan komputer diperkenalkan dalam pengajaran di sekolah-sekolah. Cabaran terbesar pada ketika itu ialah kekurangan bahan pengajaran Bahasa Melayu.

**Him Pon Iming**

**68 tahun**

**Bersara pada tahun 2009**



Bahasa Melayu ialah bahasa ibunda kita. Para guru Bahasa Melayu haruslah berjuang untuk memartabatkannya. Kita bertanggungjawab menanamkan rasa cinta terhadap bahasa Melayu dan rasa bangga untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan sempurna. Usah meminggirkan bahasa kita.

**Maimunah Kemat**

**66 tahun**

**Bersara pada tahun 2003**




Cabaran terbesar bagi saya adalah untuk menggalakkan teman-teman guru menggunakan IT dalam pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah, mencari bahan-bahan yang boleh digunakan dalam pengajaran, bahan-bahan yang sesuai mengikut kebolehan pelajar dan pembelajaran yang boleh menarik perhatian pelajar.

**Hamzah Ali**

**70 tahun**

**Bersara pada tahun 2005**



Bahasa merupakan cerminan jiwa seseorang; kesan dirinya terdedah kepada pengaruh asuhan, budaya dan sekitaran. Dapatkan yang terbaik dan pindahnya pula kepada anak didik anda. Insya-Allah berjaya.

**Maarof Salleh**

**67 tahun**

**Bersara pada tahun 2003**



Kini, guru beruntung. Dahulu, tempat saya ditugaskan sangat jauh dari rumah saya. Saya tinggal di Kampung Ubi. Namun saya dihantar bertugas ke Sekolah Melayu Pulau Bukom Kecil dan kemudian Sekolah Melayu Bukit Panjang. Sungguh mencabar!

**Sujak Ahmad**

**75 tahun**

**Bersara pada tahun 2000**



Saya masih mengajar Bahasa Melayu (Program Khas) di Sekolah Tinggi NUS. Saya juga aktif di Kelab Masyarakat Jurong Green dan masih bergiat dalam bidang tarian di Kelab Masyarakat Tampines West. Saya akan terus berkhidmat dalam bidang seni dan budaya selagi saya sihat.

**Mohamed Na'aim Pani**

**68 tahun**

**Bersara pada tahun 2006**



Sebagai guru, kita harus mengikuti perkembangan semasa bahasa Melayu di Singapura dan di rantau ini. Kita hendaklah sentiasa menggunakan bahasa Melayu yang betul semasa di dalam atau di luar bilik darjah apabila berkomunikasi dengan anak didik kita.

**Ma'amun Suheimi**

**72 tahun**

**Bersara pada tahun 2002**



“Saya masih ingat lagi apabila saya dilantik menjadi Ketua Jabatan Bahasa Ibunda dan murid-murid Bahasa Melayu berjaya menjadi johan pertandingan membaca syair. Itulah kenangan manis yang tidak dapat saya lupakan.”

**Patimah Jaludin**

**69 tahun**

**Bersara pada tahun 2006**



# The Development of Scho

**Ummul Kulthum Abdul Kader**  
67 tahun  
Bersara pada tahun 2008

**Wan Hussin  
Hj Zoohri**  
77 tahun  
Bersara pada  
tahun 2002

**Supki Haji Sidek**  
68 tahun  
Bersara pada  
tahun 2003

# ls in the Early 20<sup>th</sup> Century



**Sujak Ahmad**  
75 tahun  
Bersara pada  
tahun 2000

**Ma'amun  
Suheimi**  
72 tahun  
Bersara pada  
tahun 2002

**Mohamed  
Na'aim Pani**  
68 tahun  
Bersara pada  
tahun 2006

**Noorkhairati Haji Ahmad**  
66 tahun  
Bersara pada tahun 2008



Berkhidmat selama 27 tahun di sebuah sekolah menengah tentunya meninggalkan banyak kenangan manis. Para pelajar yang saya senangi dan rakan sejawat yang bekerjasama serta pengetua yang memberikan sepenuh kepercayaan bagi saya menjalankan tugas; itulah yang indah. Saya gembira mengajar di situ!

**Ummul Kulthum Abdul Kader**

**67 tahun**

**Bersara pada tahun 2008**



Semasa mengajar di Sang Nila Utama pada tahun 1960-an, guru-guru perlu menterjemahkan istilah sains kepada bahasa Melayu. Saya membeli akhbar Utusan Melayu setiap minggu untuk mendapatkan istilah Sains yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Wan Hussin Hj Zoothri**

**77 tahun**

**Bersara pada tahun 2002**



Selepas bersara, saya meneruskan khidmat di UniSIM sebagai Pensyarah Bersekutu, menyumbangkan tenaga sebagai Pengerusi Lembaga Pengamanah Biasiswa (LBKM), ahli Lembaga Pentadbir Masjid Kampung Siglap, ahli Jawatankuasa Kegiatan Melayu Kelab Masyarakat Joo Chiat dan ahli Jawatankuasa Penduduk Joo Chiat.

**Supki Haji Sidek**

**68 tahun**

**Bersara pada tahun 2003**



Tanamkanlah pada diri anak didik kita rasa bangga berbahasa Melayu dan tekankanlah kepentingan bahasa Melayu sebagai warisan bangsa. Tunjukkan contoh dan teladan yang baik kepada mereka.

**Noorkhairati Haji Ahmad**

**66 tahun**


**Bersara pada tahun 2008**

“Guru menjadi panduan bagi anak didiknya. Sebagai guru, kita harus peka akan hal-hal yang berlaku di luar bilik darjah. Kita harus menjadikan perkara yang berlaku itu sebagai pengajaran dan rujukan kepada para pelajar kita.”

**Yusnor Ef**

**78 tahun**

**Bersara pada tahun 1995**





Guru-guru Bahasa Melayu perlu mendidik pelajar-pelajar dengan penuh kesungguhan dan keikhlasan. Semasa mengajar, terapkanlah nilai-nilai murni bangsa dan budaya kita agar generasi muda kita akan menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan berhemah tinggi.

**Ibrahim Othman**  
**65 Tahun**  
**Bersara pada tahun 2010**



Belajar sewaktu kecil seperti mengukir di atas batu. Sungguhpun perlu melalui kepayahan, kesan yang ditinggalkan sangat mendalam.

**Hamsani Raoh**  
**63 tahun**  
**Bersara pada tahun 2003**



Guru penaka pustaka ilmu,  
Tanpa ilmu siapalah guru;  
Tanpa guru sirnalah ilmu,  
Guru dan ilmu menyatu dalam satu.

**Gani Ahmad**  
**74 tahun**  
**Bersara pada tahun 2000**



Kenangan manis bagi saya apabila pelajar-pelajar bermasalah yang pernah saya didik satu ketika dahulu masih lagi mengingati saya sehingga ke hari ini dan berjaya mencapai matlamat hidup mereka.

**Johra Amir**

**65 tahun**

**Bersara pada tahun 2000**



Pelestarian bahasa Melayu bergantung pada kecintaan masyarakat Melayu kepada bahasanya. Justeru para guru yang mengajar Bahasa Melayu seharusnya mempamerkan kecintaan mereka kepada bahasa dan budaya Melayu. Mereka merupakan pendorong untuk kesinambungan bahasa Melayu. Terimalah titipan ini dengan rela.

**Sapii Osman**

**70-an tahun**

**Bersara pada tahun 2006**



Kunjungan ke negara-negara jiran seperti Melaka, Langkawi dan Sarawak menjadi kenangan manis bagi saya. Saya dapat mengenali bahasa, adat dan budaya warga tempatan yang saya lawati.

**Mohammad Omar Salleh**

**65 tahun**

**Bersara pada tahun 2010**



Di sekitar kita, banyak orang banyak ragam.  
Lantas, perjalanan berwarna-warni akan kita lalui.  
Ada yang kurang pintar, ada yang lebih pintar.  
Ada yang kurang mulia, ada yang lebih mulia.  
Ada yang kurang terpuji, ada yang lebih terpuji.  
Kita harus mencanai akal untuk segera menghadapi  
cabaran-cabaran itu.  
Guru Arif Budiman bermakna tinggi ilmunya, baik  
budinya, indah bahasanya. Guru luar biasa!

**Adam Fadila**

**67 tahun**

**Bersara pada tahun 2005**



Ingatlah; masa yang lalu tidak akan kembali walau  
ditangisi berkali-kali, walau keluar air mata darah  
sekalipun. Hargailah setiap detik yang sedang kita jalani.

**Pitrah Ahmad**

**65 tahun**

**Bersara pada tahun 2004**



# *Menjunjung Budi*

Jawatankuasa penganjur AGAB 2015 merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada panel penilai peringkat akhir (wawancara).

1. Encik Zainul Abidin Rasheed  
Duta Khas Menteri Ehwal Luar ke Timur Tengah dan  
Duta Besar Singapura ke Kuwait
2. Encik Amrin Amin  
Setiausaha Parlimen  
Kementerian Ehwal Dalam Negeri
3. Encik Yahya Aljaru  
Pegawai Kanan (Bersara)  
Kementerian Pendidikan, MOE
4. Dr Roksana Bibi Abdullah  
Profesor Madya  
Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang
5. Dr Sa'eda Buang  
Pensyarah Kanan  
Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang
6. Encik Mohd Raman Daud  
Editor Kanan, Berita Harian
7. Puan Isadhora Mohamed  
Pengarah Program Kanan  
MediaCorp
8. Encik Wan Imran Woojdy  
Presiden  
Persatuan Guru Bahasa Melayu



# *Menjunjung Budi*

Sekalung budi juga kami ucapkan kepada panel penilai peringkat saringan.

1. Dr Aidil Subhan Md Sulor  
Pensyarah  
Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang
2. Encik Muhd Azhar Terimo  
Pengetua  
Sekolah Menengah Bartley
3. Puan Siti Rashidah Abdul Rahman  
Naib Pengetua  
Sekolah Rendah Chua Chu Kang
4. Dr Suryani Atan  
Pakar Kanan  
Bahagian Teknologi Pendidikan  
Kementerian Pendidikan, MOE
5. Encik Rahmat Subadah  
Guru Pakar  
Pusat Bahasa Melayu Singapura
6. Encik Muhammad Rafi Abu Bakar  
Guru Pakar  
Pusat Bahasa Melayu Singapura
7. Encik Arzami Salim  
Presiden  
Kesatuan Guru Melayu Singapura
8. Encik Rohan Nizam Basheer  
Naib Presiden  
Kesatuan Guru Melayu Singapura



# *Menjunjung Budi*

Jawatankuasa penganjur AGAB 2015 mengucapkan terima kasih kepada individu dan pertubuhan yang berikut:

## **Ilham dan Karya Tembikar AGAB 2015**

Puan Siti Nurhizah Mohamed Hassan (Sekolah Menengah Kuo Chuan Presbyterian)

## **Pengacara Majlis AGAB 2015**

- Cikgu Ridzuan Abraham – Penerima AGAB 2014
- Cikgu Nurbayah Ismail – Penerima AGAB 2014
- Puan Nur Hafiza Osman (MediaCorp)

## **Persembahan dalam Majlis AGAB 2015**

- Murid-murid Sekolah Rendah Bedok Green
- Cikgu Aryanti Sukaimi – Penerima AGAB 2011
- Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Yusof Ishak
- Cikgu Yahida Yahya – Penerima AGAB 2014
  
- Cikgu Abdul Malek Ahmad – Penerima AGAB 2008
- Cikgu Noraishah Mostapa – Penerima AGAB 2009
- Cikgu Nurisham Ismail – Penerima AGAB 2010
- Cikgu Nuraina Mohamed Sin – Penerima AGAB 2014
- Cikgu Salina Hussin – Penerima AGAB 2008
- Cikgu Salha Mohamed Hussain – Penerima AGAB 2011
- Cikgu Sazali Sahri – Penerima AGAB 2008

## **Pembacaan Watak**

- Cikgu Azizah Shaik Abdul Kadir – Penerima AGAB 2014
- Cikgu Zaleha Ahmad – Penerima AGAB 2014

## **Penyambut Tamu Majlis AGAB 2015**

- Cikgu Haryati Surana – Penerima AGAB 2009
- Cikgu Norwati Sulaiman – Penerima AGAB 2013

